



## **GARIS PANDUAN**

**PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN  
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6)  
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
BAGI TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL AWAM,  
HOSPITAL SWASTA DAN HOSPITAL PENGAJAR**

## **KANDUNGAN**

## **Muka surat**

1.	Pendahuluan	1
2.	Kriteria dan Syarat-Syarat Yang Layak Bagi Tabung Kebajikan Hospital	2
3.	Prosedur Permohonan Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital	8
4.	Tanggungjawab Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital	9
5.	Akibat Pelanggaran Syarat-Syarat Kelulusan Tabung Kebajikan Hospital	11
6.	Tempoh Masa Kelulusan Tabung Kebajikan Hospital	11
7.	Kuasa KPHDN Ke Atas Kelulusan Dan Pengenaan Syarat-Syarat	12
8.	Layanan Cukai Kepada Penderma	12

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) [Akta 53] bagi Tabung Kebajikan Hospital Awam, Hospital Swasta dan Hospital Pengajar.
- 1.2 Hospital Awam dikawal selia di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50], Hospital Swasta pula ditubuhkan di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Hospital Pengajar ditubuhkan di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30].
- 1.3 Bagi tujuan penyediaan garis panduan ini, penggunaan terma "Tabung Kebajikan Hospital" adalah merupakan rujukan bagi –
  - i. Tabung Kebajikan Hospital Awam;
  - ii. Tabung Kebajikan Hospital Swasta; atau
  - iii. Tabung Kebajikan Hospital Pengajar.
- 1.4 Garis panduan ini menerangkan:
  - i. kriteria dan syarat-syarat kelayakan Tabung Kebajikan Hospital untuk permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
  - ii. prosedur permohonan Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
  - iii. tanggungjawab Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
  - iv. akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) 1967;
  - v. tempoh kelulusan dan lanjutan permohonan kelulusan di bawah kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967;
  - vi. kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) ke atas kelulusan dan penganan syarat-syarat di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967; dan
  - vii. layanan cukai ke atas penderma Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

## 2. KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

### 2.1 Objektif

2.1.1 Tabung Kebajikan Hospital hendaklah ditubuhkan di Malaysia oleh Unit Kebajikan di hospital berkaitan sebagai alternatif untuk mendapatkan dana awam bagi membantu golongan sasaran ataupun golongan yang kurang berkemampuan tanpa mengira kaum agama dan keturunan untuk membiayai –

- (a) sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan;
- (b) peralatan perubatan;
- (c) peralatan rehabilitasi;
- (d) ubat-ubatan; dan
- (e) lain-lain aktiviti kebajikan seperti pemeriksaan kesihatan percuma kepada orang awam, lawatan berkala ke rumah penjagaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penambahbaikan perkhidmatan kepada sukarelawan dan tenaga kerja yang terlibat dengan kos yang dibenarkan secara bertulis.

2.1.2 Walau bagaimanapun hanya 1% daripada dana awam tersebut sahaja dibenarkan untuk membantu komuniti yang bermastautin di Malaysia tanpa mengira status kerakyatan untuk kes-kes kecemasan sahaja.

### 2.2 Penubuhan Tabung Kebajikan Hospital

2.2.1 Penubuhan Tabung Kebajikan Hospital adalah berdasarkan kepada perkara berikut –

a) Hospital Awam

Penubuhan hendaklah selaras dengan Garis Panduan Permohonan Bantuan Tabung Perubatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang terpakai dalam tahun semasa.

b) Hospital Swasta

Tabung hendaklah ditubuhkan oleh hospital swasta yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777). Penubuhan hendaklah selaras dengan peruntukan seksyen 105 Akta 586 Jadual Kedua Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Lain ) 2006 [P.U.(A) 138 / 2006] dengan surat

sokongan **Kementerian Kesihatan Malaysia** dan **Jabatan Kebajikan Masyarakat**.

a) Hospital Pengajar

Penubuhan oleh Universiti Awam di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173].

Tujuan Tabung Kebajikan Hospital hendaklah semata-mata untuk kebajikan golongan sasaran dan pesakit kurang berkemampuan yang memerlukan rawatan serta perkhidmatan di hospital berkaitan.

**Objektif mestilah tidak berkaitan dengan pendidikan dan penyelidikan serta aktiviti hospital yang bermotifkan keuntungan berdasarkan kepakaran perubatan.**

Keperluan surat sokongan daripada **Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia** dan **Jabatan Kebajikan Masyarakat**.

2.2.2 Penubuhan Tabung Kebajikan Hospital hendaklah disokong dengan Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil yang disetemkan untuk memberi ketetapan penggunaan sumbangan berdasarkan jenis sumbangan kebajikan dengan jelas seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Jenis Sumbangan Kebajikan</b>	<b>Penetapan Dasar yang Jelas Bagi Penggunaan Sumbangan</b>
i.	Dana khas untuk pesakit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kriteria dan cara pemilihan benefisiari</li> </ul>
ii.	Diskaun untuk caj atau fi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• caj atau fi yang akan diberi diskaun kepada benefisiari yang terpilih</li> </ul>
iii.	Wad atau katil kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bilangan katil yang terlibat; dan</li> <li>• caj atau fi yang akan diberi diskaun atau percuma kepada benefisiari yang terpilih.</li> </ul>

iv.	Perkhidmatan jagaan kesihatan percuma kepada kumpulan khas (seperti orang kurang upaya dan penghuni rumah warga tua)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•bilangan katil yang terlibat; dan</li> <li>•caj atau fi yang akan diberi diskaun atau percuma kepada benefisiari kumpulan khas yang terpilih.</li> </ul>
v.	Pemeriksaan perubatan percuma	<ul style="list-style-type: none"> <li>•jenis tatacara pemeriksaan, aktiviti atau perkhidmatan yang terlibat;</li> <li>•caj atau fi tatacara, aktiviti atau perkhidmatan yang akan diberikan percuma;</li> <li>•kekerapan pemeriksaan perubatan percuma dijalankan;</li> <li>•kawasan atau tempat pemeriksaan percuma diberikan;</li> <li>•golongan sasaran iaitu pelajar sekolah, pelajar universiti, penduduk di kawasan perumahan, penjawat awam, pekerja industri atau orang awam; dan</li> <li>•menyimpan rekod pemeriksaan perubatan percuma.</li> </ul>
vi.	Skim anak angkat (seperti rumah anak-anak yatim, rumah warga tua dan rumah untuk kanak-kanak atau orang dewasa spastik)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•jenis skim anak angkat yang akan disediakan;</li> <li>•caj, fi atau kos aktiviti atau perkhidmatan yang akan disediakan; dan</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran. (Surat sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau institusi atau organisasi kebajikan lain).</li> </ul>
vii.	Skim lawatan ke rumah percuma	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jenis skim lawatan ke rumah yang disediakan;</li> <li>• caj, fi atau kos aktiviti atau perkhidmatan yang akan diberi percuma;</li> <li>• kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; dan</li> <li>• menyimpan rekod lawatan ke rumah.</li> </ul>
viii.	Pendidikan awam (seperti kem perubatan, menaja secara jagaan kesihatan, membantu dalam program pendidikan kesihatan sekolah, kempen kesihatan setempat, menganjurkan forum atau ceramah kesihatan awam dan klinik kaunseling jagaan kesihatan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jenis program atau aktiviti pendidikan awam yang akan disediakan;</li> <li>• kekerapan program atau aktiviti pendidikan awam yang akan disediakan;</li> <li>• kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; dan</li> <li>• menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.</li> </ul>
vix.	Meningkatkan kemahiran tenaga kerja jagaan kesihatan bagi wad atau peralatan sokongan tujuan kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jenis program atau aktiviti latihan dan pendidikan tenaga kerja jagaan kesihatan yang akan disediakan dan ini tidak termasuk atau menggantikan program</li> </ul>

		<p>atau aktiviti latihan yang dikehendaki disediakan di bawah peruntukan lain;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kekerapan program atau aktiviti yang akan disediakan;</li> <li>• kategori kakitangan yang akan dilatih; dan</li> <li>• menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.</li> </ul>
x.	<p>Pelbagai</p> <p>(a) memberikan derma kepada persatuan dan organisasi yang terlibat dalam aktiviti jagaan kesihatan</p> <p>(b) memberikan bantuan kepada organisasi bukan kerajaan atau amal dalam aktiviti jagaan kesihatan mereka seperti menyediakan ruang, kelengkapan dan barang guna habis untuk mengendalikan pusat hemodialisis; dan</p> <p>(c) menganjurkan kempen derma darah; dan</p> <p>(d) lain-lain dengan kelulusan KPHDN.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jenis program atau aktiviti, derma atau bantuan yang akan diberikan;</li> <li>• kekerapan program atau aktiviti, derma atau bantuan yang akan disediakan;</li> <li>• kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; dan</li> <li>• menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.</li> </ul>



### **2.3 Punca Kewangan Tabung Kebajikan Hospital Dan Penyediaan Laporan Tabung Kebajikan Hospital**

- a. Punca Kewangan Tabung Kebajikan Hospital mestilah 90% daripada pihak awam dan tidak melebihi 10% sumbangan kewangan daripada syarikat subsidiari atau sebarang syarikat yang mempunyai perkaitan dengan Hospital dalam kumpulan yang sama.
- b. Laporan yang lengkap hendaklah disediakan dari semasa ke semasa dengan memberikan butiran bilangan benefisiari sebagai kumpulan sasaran secara terperinci dan peruntukan anggaran kos bagi setiap kemudahan atau perkhidmatan berkenaan yang dijalankan.

### **2.4 Komposisi Ahli Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital**

2.4.1 Bagi Tabung Kebajikan Hospital yang dikendalikan oleh institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai syarikat menurut jaminan, komposisi adalah lebih daripada 50% Ahli Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital (AJK Tabung Kebajikan Hospital) mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai hubungan dengan Unit Kebajikan Hospital seperti berikut:-

- i. lantikan daripada pihak luar yang tidak mempunyai kaitan dengan urusan hospital; atau
  - ii. lantikan daripada wakil jabatan lain di hospital adalah dibenarkan dan tempoh lantikan hendaklah secara giliran dan tidak boleh melebihi 2 tahun; dan
  - iii. tidak dibenarkan lantikan individu tertentu yang mempunyai kaitan sebagai pembekal perubatan, peralatan sokongan dan lain-lain yang boleh menimbulkan kepentingan tertentu.
- 2.4.2 Manakala bagi Tabung Kebajikan Hospital yang telah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, 70% daripada AJK hendaklah terdiri daripada AJK Pertubuhan dan 30% adalah terdiri daripada orang luar bagi maksud penerangan di perenggan 2.4.1.

2.5 **Jenis-Jenis Rawatan / Peralatan Perubatan Yang Tidak Dibenarkan Untuk Penggunaan Dana Tabung Kebajikan Hospital**

- i. Pembayaran ujian-ujian makmal dan diagnostik.
- ii. Rawatan bagi masalah kemandulan (*infertility*).
- iii. Alat pakai buang (*disposable item*) dan *consumable item*.
- iv. Kaedah rawatan yang baru dan belum terbukti keberkesanannya.
- v. Rawatan pembedahan estetik kecuali bagi rawatan untuk meningkatkan atau mengembalikan kefungsiannya.

3. **PROSEDUR PERMOHONAN JAWATANKUASA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

3.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan kelulusan adalah Pengerusi Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital.

3.2 Permohonan perlu dibuat melalui surat rasmi yang menggunakan kepala surat rasmi Unit Kebajikan Hospital yang lengkap dengan alamat surat-menyurat, emel dan no telefon. Dokumen-dokumen sokongan lengkap lain yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a) Salinan resolusi / minit mesyuarat hospital yang mengandungi:
  - (i) objektif penubuhan Tabung Kebajikan Hospital tersebut;
  - (ii) pelantikan AJK Tabung Kebajikan Hospital; dan
  - (iii) maklumat sumber kewangan sedia ada.
- b) Dokumen lain yang diperlukan:
  - (i) Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil Tabung Kebajikan Hospital yang mengandungi fasal-fasal berkenaan objektif atau jenis sumbangan kebajikan dan penetapan penggunaan sumbangan dengan **dasar bertulis yang jelas**. Selain itu, nama, alamat, kawalan penggunaan kewangan, penyata akaun beraudit, pelantikan dan tanggungjawab Lembaga Pentadbir / Jawatankuasa, pindaan kepada fasal-fasal dan pembubaran tabung;

- (ii) Senarai lengkap butiran AJK Tabung Kebajikan Hospital, seperti nama, alamat, nombor kad pengenalan dan jenis pekerjaan;
- (iv) Perancangan aktiviti untuk tempoh 1 tahun akan datang dan golongan sasaran serta maklumat kerjasama di antara institusi atau organisasi kebajikan lain; dan
- (v) Surat sokongan permohonan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia / Kementerian Pendidikan Tinggi / Jabatan Kebajikan Masyarakat.

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada :

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Jabatan Dasar Percukaian  
Aras 17, Menara Hasil  
Persiaran Rimba, Cyber 8  
63000 Cyberjaya  
Selangor.

#### **4. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL SETELAH DIBERI KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

- 4.1 Tabung Kebajikan Hospital yang diberi kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-
- i. kutipan derma awam untuk Tabung Kebajikan Hospital adalah semata-mata untuk aktiviti-aktiviti kebajikan yang diluluskan seperti yang termaktub di bawah Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil;
  - ii. Tabung Kebajikan Hospital perlu membuka akaun bank yang berasingan dan mengemukakan maklumat perkhidmatan bank yang digunakan;
  - iii. penyata kewangan tahunan yang lengkap hendaklah disediakan untuk Tabung Kebajikan Hospital secara berasingan daripada penyata kewangan hospital berkaitan;

- iv. salinan penyata kewangan tahunan beraudit hendaklah dikemukakan ke Jabatan Dasar Percukaian, HASiL selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya;
- v. pemakluman awal secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN bagi setiap pelantikan atau pertukaran ahli jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital;
- vi. memastikan pematuhan komposisi AJK Tabung Kebajikan Hospital:
  - a. Tabung Kebajikan Hospital yang telah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, 70% daripada AJK terdiri daripada AJK Pertubuhan dan 30% adalah terdiri daripada orang luar; atau
  - b. Tabung Kebajikan Hospital yang dikendalikan oleh institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai syarikat menurut jaminan, 50% daripada AJK mestilah terdiri daripada orang luar.
- vii. pindaan Peraturan Tabung atau Undang-Undang Kecil Tabung Kebajikan Hospital hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada KPHDN;
- viii. semua sumbangan tunai awam yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi (telah disahkan oleh HASiL) dan mengandungi maklumat berikut:-
  - a. Nama, alamat dan no telefon institusi atau organisasi yang menubuhkan Tabung Kebajikan Hospital;
  - b. Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
  - c. Tarikh resit;
  - d. Nama penderma beserta nombor kad pengenalan/nombor pasport/no pendaftaran perniagaan dan alamat surat menyurat penderma;
  - e. Amaun yang didermakan;
  - f. Jawatan pemungut dana seperti Pengerusi atau Bendahari;
  - g. Nombor rujukan kelulusan oleh HASiL; dan
  - h. Tarikh atau tempoh kuat kuasa kelulusan.

- ix. satu senarai penderma yang telah menderma sebanyak RM20,000.00 dan ke atas hendaklah dikemukakan ke HASiL;
- x. penyata kewangan beraudit Tabung Kebajikan Hospital hendaklah berasingan daripada penyata kewangan hospital;
- xi. sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif-objektif Tabung; dan
- xii. pendapatan Tabung Kebajikan Hospital sahaja yang dikecualikan daripada pengenaan cukai pendapatan. Layanan ke atas pendapatan hospital adalah dikenakan cukai pendapatan seperti sedia ada.

**5. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT – SYARAT KELULUSAN TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 44 (6) ACP 1967**

- 5.1 Sekiranya didapati Tabung Kebajikan Hospital melanggar mana-mana syarat kelulusan yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau peruntukan di bawah ACP 1967, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 ini.
- 5.2 Perkataan ***syarat kelulusan*** termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab Tabung Kebajikan Hospital selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

**6. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN LANJUTAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

- 6.1 Tempoh kelulusan oleh KPHDN adalah tidak melebihi lima (5) tahun kepada Tabung Kebajikan Hospital yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 6.2 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital perlu memohon secara bertulis kepada KPHDN dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan sedia ada.
- 6.3 Lanjutan tempoh kelulusan akan diberikan pertimbangan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat-syarat kelulusan terdahulu.

**7. KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT-SYARAT DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab Tabung Kebajikan Hospital yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak menghadkan atau sebaliknya menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

**8. LAYANAN CUKAI KEPADA PENDERMA TABUNG KEBAJIKAN HOSPITAL YANG DILULUSKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967.**

8.1 Penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma kepada Tabung Kebajikan Hospital di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 layak mendapat tolakan cukai terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat bagi individu dan syarikat.

8.2 Hanya wang tunai yang disokong dengan resit rasmi dan telah disahkan oleh HASiL sahaja layak untuk mendapat tolakan cukai.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**TARIKH : 28/03/2023**

s.k. LHDN.01/35/42/51/179/aa